



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
RABU 12 OGOS 2020**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	CUBAAN SELUDUP 300KG PISANG GAGAL, NEGARA, KOSMO -16 MAQIS GAGALKAN CUBAAN SELUDUP PISANG DARI THAILAND, DALAM NEGERI, UM -11	JABATAN PERKHIDMATAN KUARANTIN DAN PEMERIKSAAN MALAYSIA (MAQIS)
3. 4. 5.	IKAN MAHAK KERANA HASIL DIDARATKAN DI LUAR TERENGGANU, NEGERI TERENGGANU -25 PESAWAH RESAH TIADA TUAIAN, DALAM NEGERI, UM -3 REMAJA MAMPU RAIH PENDAPATAN EMPAT ANGKA JUAL BENIH IKAN, NEGERI TERENGGANU, SH -25	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/8/2020	KOSMO	NEGARA	16

Cubaan seludup 300kg pisang gagal

ALOR SETAR - Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kedah menggagalkan cubaan menyeludup 300 kilogram (kg) pisang dari Thailand di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam dekat sini kelmarin.

Pengarahnya, P. Lily Rosalind berkata, hasil pemeriksaan rutin yang dilakukan ke atas sebuah lori di laluan kargo import di kompleks tersebut kira-kira pukul 5.30 petang menemui 300 kg pisang bernilai RM1,500 yang dibawa masuk tanpa dokumen sah.

"Dokumen sah itu melibatkan permit import yang dikeluarkan Maqis dan Sijil Fitosanitasi dari negara asal," katanya dalam satu kenyataan semalam.

Menurutnya, bekalan pisang itu adalah bagi memenuhi permintaan pasaran tempatan.

Lily Rosalind memberitahu, perbuatan mengimport keluaran pertanian tanpa permit sah adalah menjadi kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Akta 728) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) akta sama.

"Kesalahan itu memperuntukkan hukuman denda maksimum RM10,000 atau penjara tidak lebih enam tahun atau kedua-duanya sekali," ujarnya.

12/8/2020

UTUSAN
MALAYSIADALAM
NEGERI

11



SEBAHAGIAN daripada 300kg pisang dari Thailand yang cuba dibawa masuk ke negara ini tanpa dokumen sah di Kompleks ICQS Bukit Kayu Hitam, semalam. - UTUSAN/NORLIDA AKMAR

Maqis gagalkan cubaan seludup pisang dari Thailand

ALOR SETAR: Jabatan Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Maqis) Kedah menggagalkan cubaan menyeludup pisang dari Thailand di Kompleks Imigresen, Kastam, Kuarantin dan Keselamatan (ICQS) Bukit Kayu Hitam dekat sini semalam.

Pengarahnya, P. Lily Rosalind berkata, hasil pemeriksaan rutin yang dilakukan ke atas sebuah lori di laluan kargo import di kompleks tersebut menemui 300 kilogram (kg) pisang bernilai RM1,500 yang

dibawa masuk tanpa dokumen sah kira-kira pukul 5.30 petang.

"Dokumen sah itu melibatkan permit import yang diketuharkan Maqis dan Sijil Pitosan-tasi dari negara asal," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Lily Rosalind berkata, bekalan pisang yang cuba dibawa masuk itu adalah bagi memenuhi permintaan pasaran tempatan.

Bagaimanapun, menurutnya, tiada tangkapan dilakukan ketika pemeriksaan

itu dilakukan.

Tambahnya, perbuatan mengimport keluaran pertanian tanpa permit sah adalah menjadi kesalahan di bawah Seksyen 11(1) Akta Perkhidmatan Kuarantin dan Pemeriksaan Malaysia (Akta 728) yang boleh dihukum di bawah Seksyen 11(3) akta sama.

"Hukuman bagi kesalahan itu memperuntukkan hukuman denda tidak lebih RM10,000 atau penjara maksimum enam tahun atau kedua-duanya sekali," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/8/2020	SINAR HARIAN	NEGERI TERENGGANU	25

Ikan mahal kerana hasil didaratkan di luar Terengganu

KUALA TERENGGANU – Faktor harga ikan di Terengganu lebih mahal berbanding tempat lain berpunca daripada lokasi pendaratan ikan dilakukan di luar negeri itu.

Exco Pertanian, Industri Asas Tani dan Pembangunan Desa Terengganu, Dr Azman Ibrahim berkata, bot laut dalam Terengganu mendaratkan hasil tangkapan mereka di pelabuhan perikanan Tok Bali, Kelantan dan Kuantan, Pahang sehingga menyebabkan penambahan kos memandangkan ikan tersebut perlu dibawa pulang ke Terengganu menggunakan lori.

Menurutnya, walaupun Terengganu mempunyai 80 bot laut dalam yang menjadi penyumbang utama sumber perikanan, namun pendaratan hasil tangkapan terpaksa dilakukan di luar negeri itu disebabkan beberapa isu termasuk muara cetek dan pelabuhan yang belum selesai.



DR AZMAN

“Bandingan dibuat kerana secara relatifnya Terengganu sebagai negeri pesisir pantai yang ada pantai sejauh 245 kilometer (km) dari Kemaman ke Besut sepatutnya harga ikan lebih murah, inilah gambaran orang.

“Untuk selesaikan kita kena bawa balik semua bot kembali mendaratkan hasil tangkapan di Terengganu. Isunya sebab mendapan dan kedalaman muara, beberapa usaha sedang dibuat bagi mengatasi masalah ini,” katanya ketika menjawab soalan tambahan **Roslee Daud (BN-Bukit Besi)** tentang pupca harga ikan negeri ini yang dikatakan lebih mahal berbanding tempat lain pada Mesyuarat Kedua Penggal Ketiga Dewan Undangan Negeri (DUN) ke-14 semalam.

Terdahulu, menjawab soalan Roslee berhubung program dilaksanakan kerajaan bagi menangani isu kemiskinan nelayan pantai, Dr Azman memaklumkan bahawa sebanyak 51 tukun konkrit telah pun dilabuhkan di seluruh perairan di negeri Terengganu dari tahun 2018 hingga 2020 melibatkan peruntukan sebanyak RMI juta.

Kilang beras di kawasan Temco tidak dapat beli padi

Pesawah resah tiada tuai

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediatunua.com.my

ARAU: Dianggarkan antara 3,000 hingga 4,000 pesawah dari Kuala Sanglang dan Simpang Empat di sini berada dalam keadaan resah berikutan kilang beras mungkin tidak dapat membeli hasil tuai mereka kerana terletak dalam kawasan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan Secara Pentadbiran (TEMCO).

Kira-kira 7,000 tan metrik hasil padi akan diproses di salah sebuah kilang milik Dibuk Sdn. Bhd. di Kuala Sanglang itu dengan hasil di kawasan tersebut dijangka sudah boleh dituai seawal-awalnya minggu depan.

Seorang pesawah dari Kampung Sungai Baru, Razali Saad, 54, berkata, dia dan petani lain di kawasan berhampiran risau sekiranya proses tuai tidak dapat dilakukan kerana kilang yang menjadi tempat mereka menjual padi selama ini terletak di kawasan TEMCO.

Katanya, sepanjang pelaksanaan TEMCO, kilang tersebut dikhuatiri tidak dapat beroperasi.

"Saya harap kami dibenarkan menjual padi dan kilang terse-



PESAWAH resah padi yang menguning di Kuala Sanglang dan Simpang Empat di Arau tidak dapat dituai berikutan pelaksanaan Temco.

but boleh beroperasi dan dapat membeli hasil kami seperti biasa," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini semalam.

Sementara itu, Pengarah Urusan Dibuk, Marzuki Othman, 62, berkata, dia akan meminta Jabatan Kesihatan memberi kelonggaran supaya kilang mereka boleh beroperasi menjelang musim menuai.

Bagaimanapun, katanya, ia bergantung kepada keputusan proses saringan Covid-19 membabitkan penduduk di kawasan

terbabit sama ada kes bertambah atau sebaliknya.

"Sepatutnya pada 17 Ogos ini para petani di kawasan ini sudah boleh menuai. Kita juga sebagai salah satu perkhidmatan perlu dan diharap kerajaan dapat memberi kelonggaran.

"Secara tidak langsung jika kilang ini tidak dibenarkan beroperasi ia memberi kesan kepada para petani menjual hasil kepada kami untuk diproses di kilang tersebut," katanya.

Menurutnya, jika kelonggaran operasi tidak dibenarkan, pihaknya terpaksa memindahkan aktiviti memproses padi ke dua buah lagi kilang lain di luar kawasan Temco.

Sebagai rekod, syarikat Dibuk memiliki tiga buah kilang beras di sekitar Perlis dengan penghasilan lebih 25,000 tan metrik beras setahun.

Setiap musim syarikat tersebut membeli lebih 20,000 tan metrik padi membabitkan kira-kira 10,000 petani khususnya dari negeri ini.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
12/8/2020	SINAR HARIAN	NEGERI TERENGGANU	25

Remaja mampu raih pendapatan empat angka jual benih ikan



Muhammad Iqmal menunjukkan benih ikan yang siap diasingkan untuk dihantar kepada pelanggan.

SETIU - Seorang remaja lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) dari Kampung Rahmat, Chalok di sini mampu menjana pendapatan sampingan sehingga mencecah RM5,000 sebulan hasil jualan benih ikan air tawar.

Muhammad Iqmal Hakim, 19, berkata, beliau mula menjalankan perniagaan itu selepas menamatkan SPM tahun lalu berbekalkan modal sebanyak RM2,000 termasuk dua kolam simen dan sebuah kolam diperbuat daripada kanvas.

"Lepas SPM saya tak merancang untuk sambung belajar kerana minat rana tak buat apa-apa, jadi saya mula

terfikir membuat kerja yang boleh jana kewangan di samping membantu keluarga.

"Sebelum cuba bidang ini saya lihat ada rakan berjaya mengusahakan benih ikan jadi saya jadikan ia sebagai model perniagaan secara kecil-kecilan," katanya.

Menurutnya, beliau hanya membekalkan benih ikan diperolehi dengan harga borong kolam dan menjual dengan harga semasa pasaran.

Katanya, antara benih ikan dijual seperti puyu Siam, keli, talapia merah dan patin.

"Permintaan benih ikan di Terengganu sangat tinggi. Setiap hari saya

terima tempahan.

"Semalam (kelmarin) saya hantar 2,000 ekor benih puyu Siam di Bukit Payong dan hari ini (semalam) 1,000 ekor di Jerteh," katanya kepada *Sinar Harian* kelmarin.

Menurutnya, stok benih ikan baharu akan ditambah dalam tempoh seminggu atau dua minggu sekali daripada seorang kenalan di Kelantan.

"Secara purata dalam sebulan untung kasar saya boleh dapat dalam RM3,000 hingga RM5,000," katanya.

Katanya, buat masa ini beliau tidak dapat memberi tumpuan penuh kerana perlu fokus pada kerjanya di sebuah kedai perkakasan.